



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN INISIATIF HARMONI MADANI**

**27 APRIL 2024 (SABTU)
8.30 PAGI - 2.00 PETANG
KAWASAN BRICKFIELDS, W.P KUALA LUMPUR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Bersyukur kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama dalam **Program Jejak Harmoni Perdana bersempena Majlis Pelancaran Inisiatif HARMONI MADANI**.
2. Program ini bermula seawal pagi tadi dengan pelaksanaan pengisian utama Jejak Harmoni Perdana ke rumah-rumah ibadat. **Rombongan Jejak Harmoni bergerak mengunjungi rumah-rumah ibadat sebagai simbolik kesatuan dan kebersamaan**. Di mana ia bertujuan untuk menyebarkan semangat toleransi, saling memahami dan kebebasan beragama ke arah pengukuhan jati diri sebagai rakyat Malaysia sekali gus mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
3. Untuk itu, saya ingin merakamkan **ucapan ribuan terima kasih** kepada pemimpin-pemimpin rumah ibadat dan para penganutnya yang terlibat dalam program Jejak Harmoni Perdana sebentar tadi iaitu:
 - (i) Gereja Tamil Methodist Kuala Lumpur
 - (ii) Madrasathul Gouthiyyah Surau Brickfields
 - (iii) Persatuan Pengurusan Tokong Sam Kow Tong

- (iv) Kuil Sri Krishna Brickfields
 - (v) Kuil Sri Kandaswamy Brickfields
4. Terima kasih atas sokongan berterusan semua pemimpin agama yang sentiasa memberi kerjasama baik dalam memastikan keharmonian dan perpaduan masyarakat kita sentiasa terpelihara.

KEPELBAGAIAN WARISAN MASYARAKAT MALAYSIA

Hadirin yang saya hormati,

- 5. Malaysia merupakan sebuah negara unik yang memiliki kepelbagaian etnik, adat dan budaya, serta kepercayaan beragama. Kepelbagaian ini merupakan warisan sejarah pembentukan masyarakat Malaysia yang seharusnya dirai dan dipelihara agar perpaduan dan keharmonian dapat dikenalkan.
- 6. Walaupun wujudnya perbezaan daripada kepelbagaian yang menjadi cabaran dalam mengukuhkan perpaduan namun jika ianya diuruskan dengan baik kepelbagaian ini menjadi kekuatan negara dalam membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.
- 7. Meningkatkan keharmonian antara penganut agama merupakan salah satu agenda penting yang telah saya tetapkan dalam hala tuju kementerian pada tahun ini. Khusus di bawah agenda ini, Kementerian Perpaduan Negara komited untuk menjayakan **inisiatif Harmoni MADANI** dengan tujuan memperkuatkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum mahupun berbeza anutan

agama dan kepercayaan agar dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni.

8. Dalam memastikan agenda meningkatkan keharmonian antara penganut agama dapat direalisasikan, Kementerian telah **menggerakkan semula Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang ditubuhkan pada 14 Ogos 2020. Jawatankuasa ini, merupakan platform penting yang berfungsi untuk menggerakkan strategi yang bersesuaian dan berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama.
9. Saya bersama YB Menteri Agama telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa HARMONI yang bersidang julung kalinya pada 28 Oktober 2023 dan telah bersetuju agar Inisiatif HARMONI MADANI dilaksanakan pada tahun 2024.

INISIATIF HARMONI MADANI

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

10. Pelaksanaan Inisiatif Harmoni Madani mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima** bagi memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara. Inisiatif HARMONI MADANI ini bertujuan untuk:
 - i. Meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkuatkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara

- ii. Membudayakan amalan menyebarkan mesej keharmonian dan muhibah antara penganut pelbagai agama di Malaysia
11. Sehubungan dengan itu, kementerian telah merancang pelaksanaan untuk mengetengahkan **tujuh (7) program utama** di bawah inisiatif ini iaitu:
- (i) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmoni Week*);
 - (ii) *Podcast*: Bicara Harmoni;
 - (iii) *Interfaith Dialogue* atau Dialog Harmoni;
 - (iv) Jejak Harmoni;
 - (v) Dokumentari Harmoni;
 - (vi) Seminar Tokoh Pelbagai Agama;
 - (vii) Wacana Memupuk Perpaduan dalam kalangan Penganut Pelbagai Agama
12. Program utama iaitu Jejak Harmoni yang berkonsepkan **program turun padang menyantuni pemimpin agama dan penganut di rumah-rumah ibadat (Masjid, Tokong, Gereja, Kuil dan Gurdwara)** yang berdekatan dalam satu kawasan komuniti. Jejak Harmoni akan dilaksanakan di seluruh negara dan pelaksanaannya bermula awal Februari sehingga November 2024 seperti berikut:

- Labuan (3 Februari 2024);
- Selangor (4 Februari 2024);
- Kuala Lumpur (27 April 2024);
- Johor (6 Februari 2024);
- Pahang (18 Februari 2024);

- Negeri Sembilan (2 Mac 2024);
 - Sabah (Mei 2024);
 - Sarawak (Jun 2024);
 - Perlis (Jun 2024); dan
 - Melaka (Nov 2024).
13. Sifat toleransi atau tolak ansur dan persefahaman antara satu dengan yang lain adalah asas kepada terbinanya perpaduan. Pola masyarakat majmuk yang terdapat di Malaysia memerlukan toleransi dan persefahaman kerana kepelbagaian masyarakat membawa kepada perbezaan dan persefahaman. Dengan ini, saya turut ingin umumkan bahawa **Kementerian akan melaksanakan Program Sambutan Hari Toleransi Sedunia di Negeri Melaka pada 16 November 2024.**
14. Suka saya menyeru kepada semua pihak khususnya badan-badan pertubuhan agama agar turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mempromosikan keharmonian melalui penyebaran mesej harmoni dan nilai-nilai murni bagi menyokong kepada pencapaian matlamat inisiatif Harmoni Madani ini.
15. Kerajaan sentiasa menyambut baik usaha-usaha dan peranan yang dimainkan oleh pertubuhan dan badan badan agama bagi membantu **membina tapak integrasi yang lebih kukuh** melalui program-program yang telah dilaksanakan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati

16. Kerajaan sememangnya memainkan peranan penting dalam menggubal dasar yang bersesuaian untuk memastikan perpaduan masyarakat Malaysia sentiasa berada pada tahap yang terkawal. Namun apa yang penting **usaha yang digerakkan kerajaan disambut baik masyarakat sekaligus memainkan peranan bersama merealisasikan agenda perpaduan** yang telah ditetapkan.
17. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan **menyebarluaskan konsep faham, hormat dan terima** dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Inisiatif Harmoni Madani.**

Sekian, terima kasih.